

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]**
TARIKH : **10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah suku kaum 'Berawan' dan 'Saban' di Sarawak diiktiraf sebagai kaum Bumiputera. Senaraikan kaum-kaum/etnik yang tergolong sebagai kaum Orang Ulu di Sarawak.

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

1. Istilah "bumiputera" tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis. Namun, istilah "bumiputera" sering digunakan oleh Kerajaan dalam menguatkuasakan dasar-dasar Kerajaan dan lazimnya istilah "bumiputera" merujuk warganegara Malaysia yang terdiri daripada kategori berikut:

- (a) "orang Melayu" sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;
- (b) "anak negeri" Negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan; dan
- (c) "orang asli" sebagaimana yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan iaitu "orang asli

NO. SOALAN : 39

Semenanjung Tanah Melayu” dan yang ditafsirkan dalam seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134].

2. Berdasarkan kepada perenggan (6)(a) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, “anak negeri” berhubung dengan Sarawak bererti seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai ras asli bagi Negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu. Menurut Fasal (7) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif “anak negeri” disenaraikan seperti yang berikut:

- (a) Bukitan;
- (b) Bisayah;
- (c) Dusun;
- (d) Dayak Laut;
- (e) Dayak Darat;
- (f) Kadayan;
- (g) Kalabit;
- (h) Kayan;
- (i) Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng);
- (j) Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit);
- (k) Lugat;
- (l) Lisum;
- (m) Melayu;
- (n) Melano;
- (o) Murut;
- (p) Penan;
- (q) Sian;
- (r) Tagal;
- (s) Tabun; dan
- (t) Ukit.

NO. SOALAN : 39

3. Berdasarkan senarai di atas, ras 'Berawan' dan 'Saban' tidak disenaraikan sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif "anak negeri" di bawah Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan. Apa-apa cadangan untuk memasukkan ras-ras lain dalam senarai ras-ras dan takrifan "anak negeri" di bawah Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan memerlukan keputusan dasar Kerajaan serta pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

4. Perlembagaan Persekutuan juga tidak memperuntukkan apa-apa takrifan bagi "kaum Orang Ulu" di Sarawak atau menyenaraikan apa-apa kaum atau etnik yang tergolong sebagai kaum Orang Ulu di Sarawak.

Sekian, terima kasih.